

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9000

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan disiplin akan diambil terhadap Ketua Polis Negara kerana mengeluarkan arahan melalui twitter untuk siasatan terhadap orang awam termasuk dalam kes-kes yang melibatkan kritikan diri beliau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hebahan sebegini tidak menyalahi sebarang undang-undang serta peraturan yang sedia ada dan mudah serta cepat disebarkan kepada masyarakat umum. Kementerian tidak melihat sebarang salah laku telah dilakukan memandangkan Ketua Polis Negara telah menjalankan tugas beliau dengan mengeluarkan arahan supaya tindakan segera dapat diambil terhadap sesuatu isu yang ditimbulkan. Tiada sebab tindakan disiplin patut diambil berdasarkan inisiatif yang telah diambil dalam usaha membuat penyebaran berkenaan. Walaubagaimana pun butiran dan hasil siasatan yang diperolehi tidak akan didedahkan melalui media sosial.